



## PTAR memenangi Naib Johan Peringkat Bahagian AKNC 2017

Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UiTM 2017 telah diadakan pada 7 Disember 2017 bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor. Selain daripada Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), majlis ini juga turut menyampaikan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC). Sebanyak sembilan PTJ telah terpilih sebagai finalis AKNC 2017. Sukacita dimaklumkan bahawa PTAR telah memenangi Naib Johan Peringkat Bahagian pada kali ini.



# BENGKEL PENYEDIAAN MOOCs (MASSIVE OPEN ONLINE COURSE) @ PTAR

Oleh: Adlina Abdullah



Bengkel Penyediaan MOOCs (Massive Open Online Courses) @ PTAR Anjuran Bahagian Inisiatif Perpustakaan Digital, Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam telah diadakan pada:

**Tarikh: 12 & 13 Disember 2017  
(Selasa –Rabu)**

**Masa: 8.30 pagi-5.00 petang**

**Tempat: Pusat IT, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Shah Alam**

**Jumlah Peserta: 60 orang (Staf Pengurusan & Profesional dan Staf Pelaksana)**

**Penceramah: YBhg. Professor Dato' Dr Mohamed Amin Embi,  
Profesor Fakulti Pendidikan UKM**



Antara Objektif utama bengkel adalah:

1. Memberi pendedahan tentang tata-cara pembangunan e-kandungan MOOCs
2. Memberi pendedahan tentang pembangunan e-Kandungan menggunakan konsep open learning
3. Mempelajari konsep screencasting dalam Pembangunan e-Kandungan
4. Mempelajari Teknik Animasi dalam Pembangunan e-Kandungan MOOCs

**Massive**  
**Open**  
**Online**  
**Course**



**A lot of students.** These online classes are typically not capped—some have over 100,000 enrolled.



**Taking the classes are free.** However, if you want a certification of completion, some programs require fees.



**No attendance necessary—it's all online.** It's a combination of streaming video, forums and written and interactive online material.



**MOOCs emphasize key features of a class** such as engagement with the material, ideation and networking with other students.

## PREPARING PhD PROPOSAL

Oleh: Zalifah Binti Awang Zakaria

Bengkel Preparing PhD Proposal telah dikendalikan oleh Profesor Dr. Norzaidi bin Haji Mohd Daud, Profesor daripada Arshad Ayub Graduate Business School, UiTM Shah Alam dan juga merupakan Pengarah, Community of Research (CoRe), Management Science (MS), Institute of Research Management and Innovation (IRMI), UiTM.

Bengkel ini merupakan salah satu penganjuran bengkel berbayar yang dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Rujukan, Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan, Perpustakaan Tun Abdul Razak. Bengkel sehari ini telah dianjurkan pada 9 Disember 2017 (Sabtu) di Auditorium 1, Perpustakaan Undang-undang, UiTM Shah Alam dan disertai oleh peserta dalam dan luar UiTM seramai 37 orang. Peserta adalah terdiri daripada kalangan penyelidik, pensyarah dan pelajar pasca ijazah UiTM, Universiti Awam dan Universiti Swasta. Objektif bengkel ini adalah memberi nilai tambah kepada aktiviti penjana pendapatan perpustakaan selain merupakan platform perpustakaan dalam menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan yang berkualiti untuk menyokong kepada pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti.



Dengan penganjuran bengkel ini, pihak Bahagian Penyelidikan dan Rujukan amat berharap peserta dapat mempelajari dan memperolehi ilmu yang dipelajari daripada profesor yang berpengalaman dan pakar dalam bidang tersebut. Selain itu, pihak penganjur juga amat berharap usaha sebegini dapat membantu perpustakaan dalam menyemarakkan lagi budaya pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan warga universiti.



## PENERAJU ITM/UiTM

Oleh: Adlina Abdullah




Pameran di Galeri PTAR untuk sepanjang Disember ini adalah berkenaan dengan Peneraju ITM / UiTM. Bahagian Inisiatif Perpustakaan Digital (BIPD) PTAR Shah Alam telah mengadakan pameran Peneraju ITM/UiTM. Pameran ini bertujuan untuk mengenali Peneraju ITM/UiTM. Bermula dengan Canselor UiTM yang pertama hingga terkini.

Turut dipaparkan ialah:

- Canselor UiTM yang Pertama hingga kini.
- Ketua Pustakawan UiTM yang Pertama hingga kini.
- Pendaftar UiTM yang Pertama hingga kini.
- Bendahari UiTM yang Pertama hingga kini.

Pameran ini berlangsung selama sebulan iaitu sepanjang Disember 2017. Pameran ini diharap dapat dijadikan sumber rujukan eksklusif kepada warga UiTM, khususnya kepada generasi akan datang.



# PROGRAM 4K (KEBERSIHAN, KECERIAAN, KESELAMATAN & KESIHATAN)

Oleh: Norazlin Mohd Yusof



**Tarikh:** 18-19 Disember 2017 | **Masa:** 8.30 pg - 5.00 petang |  
**Peserta:** 181 orang (Semua staf)  
**Tempat:** PTAR Utama | PTAR Undang-Undang | PTAR Kejuruteraan |  
PTAR Sains & Teknologi | PTAR Alam Bina

## Objektif program:

1. Mewujudkan persekitaran tempat bekerja dan kawasan perpustakaan yang bersih, kemas dan menarik melalui aktiviti gotong-royong.
2. Meningkatkan kesedaran dan memberi pendedahan kepada warga PTAR mengenai keselamatan kebakaran di tempat kerja dan kaedah-kaedah pencegahannya melalui latihan pelan tindakan kecemasan dan pengungsian bangunan perpustakaan.
3. Meningkatkan kesedaran warga PTAR/UiTM terhadap tanggungjawab sosial kepada masyarakat melalui aktiviti derma darah.



## LAW REFERENCE ROOM MAKEOVER

Oleh: Nordiana Tukijo



Program **Law Reference Room Makeover** ini dianjurkan oleh Perpustakaan Undang-Undang dengan usahasama pihak Sekretariat Mahasiswa Fakulti Undang-Undang. Pihak Perpustakaan menghargai usaha Sekretariat Mahasiswa Fakulti membantu perpustakaan dalam mencari beberapa orang sukarelawan di kalangan pelajar Fakulti Undang-Undang untuk menjayakan program ini.



### Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Mendorong pelajar Fakulti Undang-Undang untuk melibatkan diri dalam program-program perpustakaan disamping mewujudkan jalinan kerjasama dua hala yang memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak.
- ii. Bekerjasama dengan pelajar dalam aktiviti mendekorasi semula bilik rujukan undang-undang dalam usaha p e r p u s t a k a a n menyediakan ruang pembelajaran yang lebih ceria dan selesa selaras dengan keperluan pengguna.

Tarikh: 15 Disember 2017 (Jumaat)  
 Masa: 3.00 hingga 5.30 petang  
 Tempat: Law Reference Room, Aras 3  
 Perpustakaan Undang-Undang  
 Jumlah Pelajar Terlibat: 26 orang

## SESI PERKONGSIAN ILMU

Oleh: Norazlin Mohd Yusof



### Tajuk Pembentangan:

1. Latihan Sangkut di Arkib Negara Malaysia/ Azniza Mohamad Nor & Wan Nur Khalidah Wahed
2. Simposium Pengurusan Maklumat Siri 2/2017: Melonjak Solidariti Masyarakat Bestari/ Muhammad Azmir Sulaiman & Badle Shah Yahya
3. KM Workshop For Librarians/ Mohd Izwan Salim & Ahmad Faizar Jaafar
4. Bengkel Biblioterapi: Peranan & Tanggungjawab Pustakawan/ Nordiana Tukijo & Jaz Norfazuna Jaafar
5. Bengkel Patent Novelty Search & Mendeley/ Norkiah Ishak & Bahroni Moojee
6. Future Library Convention Asia 2017/ Nor Azwani Mohamad & Noraishah Abdullah
7. Workshop on Classification Scheme and Subject Headings on Islam 2017/ Asmah Sabtu & Nik Zatihulwani Jamaludin



Tarikh: 20 Disember 2017 (Rabu) | Masa: 2.30 - 5.00 petang  
Tempat: Bilik Seminar, PTAR Utama




# PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2017 'Fly to Reach Knowledge'

Pada 5 dan 6 Disember 2017 dengan bertemakan **'Fly to reach knowledge'**, pihak perpustakaan Kampus Sungai Buloh telah menjayakan program Hari Terbuka Perpustakaan 2017. Program ini memberikan satu kelainan di mana gerai-gerai jualan makanan dibuka sebagai penarik. Kerjasama baik daripada Dr. Nora Julianna Osman, Pensyarah dan Pakar Bedah Fakulti Perubatan dalam mendapatkan gerai-gerai jualan amatlah dihargai. Ini adalah bagi menyokong seruan penjimatan dan penjanaan oleh pihak universiti. Program ini menawarkan pelbagai aktiviti yang menarik seperti Push & Pull, Book Love, Guess My Weight, Kuiz Klinik Maklumat, Pertandingan Arca, dan sebagainya. Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pelajar dan staf Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian.


**BOOK LOVE**


PEMENANG TEMPAT PERTAMA HINGGA KETIGA



SAGUHATI


**PUSH & PULL**
**BOOTH JUALAN MAKANAN**

**GUESS MY WEIGHT**

**PLAY & LEARN WITH XBOX GAMES**



## PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI JOHAN KESELURUHAN HARI INOVASI UITM CAWANGAN PAHANG 2017

Pada 14 Dis 2017 telah berlangsungnya Hari Inovasi UiTM Cawangan Pahang. Hari Inovasi ini dianjurkan dengan jayanya oleh Fakulti Sains Sukan & Rekreasi bersama Fakulti Perakaunan dengan tema "Teknologi Inovatif Pemangkin Kelestarian Sejahtera". Pihak Perpustakaan yang dipimpin oleh Puan Rosnita Binti Ja'afar, Timbalan Ketua Pustakawan, telah menerima pelbagai anugerah yang dipertandingkan sepanjang berlangsungnya bulan Inovasi iaitu:-

1. Juara Keseluruhan - Pertandingan Inovasi Bahagian
2. Juara Keseluruhan - Anugerah Kualiti Rektor UiTM Pahang
3. Johan - Anugerah Kualiti Rektor (Pentadbiran)
4. Johan - Dokumentasi/Fail Terbaik
5. Johan - Perkhidmatan Kaunter Terbaik
6. Johan - Piagam Pelanggan Terbaik
7. Johan - Keceriaan Surau Pelajar
8. Johan - Sepanduk Maulidur Rasul
9. Naib Johan - Perarakan Maulidur Rasul



Dirakamkan setinggi-tinggi tahniah juga kepada staf Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Pahang yang mendapat anugerah berikut:-

### **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**

1. Encik Ibrahim Fikri Bin Yaacob
2. Puan Suhaina Binti Ibrahim

### **Anugerah Khidmat Setia 20 Tahun Perkhidmatan (AKS)**

1. Encik Wan Rosli Bin Wan Rajab

### **Anugerah Khidmat Lama 25 Tahun Perkhidmatan (AKL)**

1. Encik Alias Bin Manap

### **Naib Johan Pertandingan Merekacipta Bunting (i-Bun)**

1. Puan Norfitriah Binti Mat Seman

## LAWATAN DARI AKADEMI PELANCONGAN MEDAN, INDONESIA



Lawatan dari Timbalan Pengarah Akademi Pelancongan Medan, Indonesia, Dr. Rita ditemani oleh pensyarah-pensyarah dari Fakulti Hotel dan Pelancongan UiTM Cawangan Pulau Pinang.



Tarikh: 07 Disember 2017

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak,  
Pulau Pinang

## SYABAS DAN TAHNIAH UiTM CAWANGAN MELAKA SEMPENA SAMBUTAN HARI INOVASI



12 Disember 2017, sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi (MHSI) 2017 Peringkat UiTM Cawangan Melaka, Perpustakaan UiTM Melaka Kampus Alor Gajah dan Kampus Jasin masing-masing telah berjaya meraih Anugerah Amalan Terbaik 5S yang disampaikan oleh Datuk Prof. Madya Sabariah Hj.Mahat, Rektor UiTM Cawangan Melaka.

Seterusnya Perpustakaan UiTM Melaka Kampus Jasin muncul Johan keseluruhan diikuti dengan Perpustakaan UiTM Melaka Kampus Alor Gajah menjadi Naib Johan keseluruhan Anugerah 5S UiTM Cawangan Melaka. Tahniah juga diucapkan kepada En.Mohd Ismail Abidin yang telah berjaya memenangi Anugerah Kategori Pengantarabangsaan / Keusahawanan / Sukarelawan / Kelestarian Persekitaran bagi Projek Program Khidmat Masyarakat Di Sekolah-Sekolah Sekitar Melaka.



# PENCAPAIAN KEMENANGAN PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH SEMPENA HARI KUALITI DAN INOVASI UiTM CAWANGAN KEDAH

Tahniah dan syabas kepada Perpustakaan Sultan Badlishah atas kemenangan dan pengiktirafan yang telah diterima pada Hari Kualiti dan Inovasi 2017 UiTM Cawangan Kedah yang telah berlangsung pada 14 Disember 2017 di Kelab Cinta Sayang Golf Resort, Sungai Petani, Kedah.



Anugerah Khidmat Setia 20 Tahun (Puan Azizah Khasim)



Anugerah Staf Pentadbiran UiTM Anugerah Kumpulan Pelaksana 1 (Encik Zakaria Muhamad)



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 (Puan Mazuriah Ahmad)



JOHAN Anugerah 5S Kategori Zon Terbaik



JOHAN Anugerah 5S Kategori Stor Terbaik



JOHAN Anugerah Kaunter Pelanggan Terbaik

# LIBRARY OPEN DAY

Program Library Open Day yang bertemakan *Keep Calm and Come to Library* adalah satu program bersepadu dan platform terbaik dalam memberi makluman, hebahan dan pendedahan kepada warga UiTMCK mengenai koleksi, kemudahan, perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Program ini merupakan gabungan kerjasama melibatkan seramai 8 orang pelajar Latihan Industri dan dibimbing oleh Penasihat 1 (Timbalan Ketua Pustakawan) dan Penasihat 2 (Pustakawan Kanan) serta dibantu oleh warga kakitangan PTA. Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan sepanjang 2 hari program ini berlangsung. Selain aktiviti menarik, pihak PTA juga melancarkan Kotak Sumbangan @ Donation Box bagi membantu golongan yang susah dan miskin. Alhamdulillah pelbagai bentuk barangan telah disumbangkan oleh para pensyarah, staf pentadbiran, pengguna, mahasiswa/mahasiswi, dan juga kakitangan PTA.

**HELP AND SUPPORT**

**"DONATION BOX"**

**12 & 13 DISEMBER 2017**

**10:00 AM - 4:00 PM**

BERTEMPAT DI: PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS (PTA) UITM KAMPUS MACHANG

BARANG-BARANG YANG BOLEH DIDERMAKAN SEPERTI:

- 1. BUKU TERPAKAI YANG MASIH ELOK DAN BOLEH DIDERMAKAN (MAGAZIN, FICION, KOMIK, MAJALAH DAN LAIN-LAIN)
- 2. PAKSIAN TERPAKAI YANG MASIH ELOK DAN BOLE DIPAKAI (BAJU, SELUAR, TUDUNG, KAGUT, BAJU SEJUK, TELEKUNG DAN LAIN-LAIN)

BARANG-BARANG YANG DIDERMAKAN AKAN DISALUR KE:

- \*RUMAH-RUMAH ANAK YATIM,
- \*RUMAH KEDAJIKAN,
- \*RUMAH ORANG TUA &
- \*BADAN-BADAN YANG BERKAITAN

"DONATION BOX" AKAN DILETAKKAN DI HADAPAN KAUNTER MASUK PTA

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:

SOFEA : +60197195868  
NADIRAH : +60139007443  
FAZATUL : +60109190732

"SUMBANGAN ANDA AMATLAH KAMI HARGAI!"

# LIBRARY OPEN DAY



**TARIKH:**  
**12 & 13 DISEMBER 2017**

**TEMPAT:**  
**PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS**

Pelbagai Aktiviti Menarik Disediakan !!

**12 DIS 2017,  
9 PAGI-  
4 PETANG**

**13 DIS 2017,  
10-11 PAGI/  
2-4PETANG**

- "Book Shelving Squad"
- "Library Discovery Quiz"
- Gelap Geli Tak?
- Photo Funia (Selfie Contest)
- "10 Minutes Reading"
- Teka-Teki Muka Surat Buku
- Teka Tajuk Lagu

Ceramah: "Virus Awareness"

Bengkel Kelas Kemahiran Maklumat (KKM)

Hubungi:  
Izzati : 01129347121  
Nabihah : 0139251652  
Azmiera : 013-9491982



**KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT**

## Bukan 'bangunan kaku'

Perpustakaan Tengku Anis lancar kotak derma, bantu golongan memerlukan

MACHANG - Dengan hantar mesyuarat mengenai kemajuan kegiatan kemasyarakatan, Perpustakaan Tengku Anis (PTA) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang sempena Hari Mera Padu PTA 2017. Persembahan, Mesyuarat di Rahman berkesan, ia bertujuan bagi meningkatkan semangat golongan mahasiswa UiTM Machang untuk sama-sama membina.

"Kita semua digalakkan untuk bersepadu dalam menjalankan projek-projek yang sama seperti projek ini dalam rangka kerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan sebagai sokongan kepada kegiatan kemasyarakatan," katanya.

Menerangkan, salah seorang derma, pelbagai aktiviti telah diadakan sempena Hari Mera Padu yang bertemakan 'Keep Calm and Come to Library' termasuk contest, kah, dan lain-lain.

"Maklukkan program ini, pihak-pihak yang terlibat mengemulakan program ini dengan kerjasama PTA Machang," katanya.

Terdah, Mesyuarat, PTA ber-merupakan pelbagai le-putusan terhadap di persemb-

nya setelah menerima hasil dari dan meng-nya dan 'Ser' Persembahan kotak derma, Kotak derma @ berkes, sambutan ini ialah bertujuan menyumbang kepada golongan memerlukan.

"Sumbangan ini bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan bantuan kewangan dan tenaga kerja dalam menjalankan projek-projek yang sama seperti projek ini dalam rangka kerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan sebagai sokongan kepada kegiatan kemasyarakatan," katanya.

"Kita semua digalakkan untuk bersepadu dalam menjalankan projek-projek yang sama seperti projek ini dalam rangka kerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan sebagai sokongan kepada kegiatan kemasyarakatan," katanya.

## CSR @ PTA KOTA BHARU: SARAPAN PERCUMA

Pada 21 Dis 2017, Perpustakaan Tengku Anis, UiTM Kota Bharu telah menjalankan satu aktiviti khidmat pengguna iaitu sarapan percuma kepada pelajar hasil sumbangan dermawan warga kampus. Program ini menasarkankan siswa-siswi agar mendekati premis perpustakaan kampus. Sarapan percuma yang disediakan mendapat sambutan positif apabila juadah sederhana yang disediakan habis dalam setengah jam. Selesai makan, soalan bertalu-talu dari pelajar, "Bila nak buat lagi?"



## NAIB JOHAN ANUGERAH KOSTUM TERBAIK SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1439H/2017M PERINGKAT UITM TERENGGANU



Tahniah dan Syabas diucapkan pada Perpustakaan Cendekiawan kerana telah memenangi Naib Johan Anugerah Kostum Terbaik sempena Sambutan Maulidur Rasul 1439H/2017M Peringkat UiTM Terengganu.



Tarikh dan Masa: 14 Disember 2017, Khamis (8.00 pagi hingga 12.00 tengahari)

Anjuran: ACIS UiTM Terengganu

Penglibatan:  
20 orang staf PUiTM Terengganu Kampus Dungun

Tempat: UiTM Terengganu

Pengisian Program: Perarakan, Ceramah Maulidur Rasul.

Anugerah: Naib Johan Anugerah Kostum Terbaik

## AKTIVITI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



### Majlis Jasamu Dikenang Sempena Persaraan Dan Perpisahan

Tarikh : 15 Disember 2017 (Jumaat)  
Tempat : Bilik Seminar PTAR  
Masa : 3.15 petang



### Pameran QR Codes @ PTAR sempena Chad 2017

Tarikh : 14 Disember 2017  
Masa : 8.30 pagi-4.30 petang  
Tempat: Dewan Seri Budiman , UiTM Shah Alam



## AKTIVITI PERPUSTAKAAN CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



## MAJLIS BACAAN YASIN DAN JAMUAN AKHIR TAHUN

Tarikh: 14 Disember 2017


Tempat: Bilik Mesyuarat PTAR Kampus Kuala Pilah

## AKTIVITI PERPUSTAKAAN CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



### PAMERAN BULANAN PTAR : MAULIDUR RASUL 1439H

Tarikh: 1 Disember 2017 sehingga 2 Januari 2018  
Tempat: Aras 1 PTAR Kampus Kuala Pilah  
Tema: Sejarah kehidupan Rasulullah S.A.W.



### PROGRAM KEMPEN DERMA BUKU

Tarikh: 18 Disember 2017  
Sumbangan daripada: Pensyarah UiTM Kampus Kuala Pilah iaitu Puan Faikah Binti Awang

## AKTIVITI PERPUSTAKAAN CAWANGAN PAHANG



### **SESI TAKLIMAT DAN MEMPERKENALKAN PEGAWAI BARU PADA WARGA PERPUSTAKAAN AL BUKHARI**

Tarikh: 5 Disember 2017

Masa: 2.30 petang.

Tempat: Perpustakaan Al Bukhari, UiTM Pahang

## AKTIVITI PERPUSTAKAAN CAWANGAN PAHANG



## ANUGERAH SEMPENA PROGRAM KARNIVAL CINTA RASUL PERINGKAT UiTM CAWANGAN PAHANG 2017

Tarikh: 13 Disember 2017

Tempat: UiTM Cawangan Pahang



## CSR: BANTUAN PAKAIAN UNTUK MANGSA BANJIR

Tarikh: 11 Disember 2017

Aktiviti: Sumbangan pakaian terpakai oleh staf UiTM Cawangan Pahang telah diserahkan kepada wakil Felda Kawasan Jengka untuk dihantar ke negeri Kelantan yang telah ditimpa musibah banjir .

## AKTIVITI PERPUSTAKAAN CAWANGAN PULAU PINANG



## LAWATAN PELAJAR PROGRAM GEN-Q

Tarikh : 27 – 30 November 2017

Peserta: 33 orang dari Program Gen-Q (Anak-Anak Kakitangan UiTM)

Aktiviti: Lawatan ke PTAR